

BIL 02 15 - 21 FEBRUARI 2019

PERCUMA PP19441/12/2018 (035014)

mediawargakota



## BICARA EKSKLUSIF

Biar kita jadi 'penyerang'



6

Jalan TAR jadi pejalan kaki mulai 15 Mac

2

Sogo bakal dibina di Labuan



21

Dilema penguatkuasa hadapi peniaga tiada lesen, kembali beroperasi lepas tiada kelibat pegawai DBKL

# Penjaja warga asing



PENJAJA warga asing membawa lari barang niaga setelah menyedari kehadiran penguatkuasa DBKL.



PENJAJA warga asing kembali beroperasi selepas penguatkuasa beredar.

PASUKAN penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berdepan dengan dilema dalam usaha membanteras peniaga warga asing yang aktif di sekitar ibu kota.

Rata-rata peniaga bagaiman sanggup menghadapi risiko barang niaga disita apabila masih berani menjaja secara haram di ibu negara.

Penjaja tersebut sanggup melarikan diri ketika pegawai DBKL membuat pemeriksaan. Namun dengan selamba mereka kembali beroperasi kira-kira 10 minit selepas pegawai penguat kuasa beredar dari situ.

Pengarah Penguatkuasaan DBKL, Azman Mahmood berkata, pihaknya memang mengambil tindakan tegas apabila sebanyak 5,610 barang penjaja warga asing yang menjalankan perniagaan di sekitar ibu negara telah disita DBKL sepanjang tahun lalu.

Katanya, jumlah tersebut menunjukkan penurunan berbanding tahun sebelumnya iaitu 5,714.

LAPORAN PENUH  
DI MUKA 2

Berniaga seperti biasa selepas penguatkuasa DBKL beredar

## Penjaja warga asing berhati kering

Oleh NAZWIN NAZRI

winwilayahku@gmail.com

Foto AOLUL HAKIMI

**K**UALA LUMPUR - Dilema pasukan penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berdepan dengan peniaga-peniaga warga asing di ibu kota bagaikan tiada penghujungnya.

Ibarat 'hati kering', apabila diserbu DBKL, peniaga warga asing berkenaan melarikan diri namun setelah itu mereka dengan selamba kembali beroperasi seperti biasa.

Kedegilan golongan itu terus berniaga di kaki lima premis khususnya di hadapan pusat beli-belah Sogo di sini serta kawasan persekitarannya seolah-olah mencabar pihak berkuasa.

Sebaik melihat kelabit penguat kuasa DBKL, mereka bergegas menolak barang-barang perniagaan.

Dalam tinjauan Wilayahku baru-baru ini, segelintir mereka bertindak duduk di tepi premis sambil menghisap rokok serta berlagak seperti pelancong asing dengan menyandang beg besar. Selang 10 minit kemudian, setelah dipastikan pegawai penguat kuasa beredar, mereka kembali berniaga.

Kebanyakan alatan menjaja seperti meja dan kabinet kecil diubah-suai dengan dilengkapi roda bagi memu-



PENJAJA warga asing membawa lari barang niaga setelah menyedari kehadiran penguat kuasa DBKL.



AZMAN

dahkan mereka melarikan diri apabila diserbu pihak berkuasa.

Antara produk yang dijual adalah minuman tin yang diletakkan dalam tong berisi ais dan minuman kordial oren dan air kelapa selain makanan seperti seperti keropok lekor, ubi serta pisang goreng serta kuih-muih.

Pengarah Penguatkuasaan DBKL, Azman Mahmood berkata, sebanyak 5,610 barang penjaja warga

asing yang menjalankan perniagaan di sekitar ibu negara telah disita DBKL sepanjang tahun lalu.

Katanya, jumlah tersebut menunjukkan penurunan berbanding tahun sebelumnya iaitu 5,714.

"Dalam Operasi Tegas tahun lalu, sebanyak 517 barang perniagaan telah disita, 63 notis dikeluarkan dan 14 struktur gerai penjaja telah dirobohkan manakala 286 warga asing ditangkap Jabatan Imigresen.

"Sepanjang tahun lalu, sebanyak 59 siri operasi penguatkuasaan dilakukan



PENJAJA warga asing kembali beroperasi selepas penguat kuasa beredar.



Pegawai penguatkuasa membuat pemeriksaan ke atas kegiatan warga asing di ibu kota baru-baru ini.

yang mana bagi Operasi Tegas pula, 40 siri telah diadakan," katanya.

Azman memberitahu, isu penjaja asing sering dibincangkan berikut mereka tidak mementingkan kebersihan dan menyebabkan gerai kotor, tidak terurus serta mencacatkan pandangan di ibu kota.

## Menteri gesa kawalan 24 jam banteras peniaga warga asing

**P**UTRAJAYA - Kerajaan akan melaksanakan pemantauan sepanjang masa di sekitar ibu negara bagi membanteras aktiviti perniagaan warga asing di kaki lima premis dalam usaha membersihkan imej ibu negara.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad berka-

ta, tindakan itu boleh diambil dan perbincangan lanjut akan dilakukan bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisyam Ahmad Dahlani.

"Kita boleh perkatakan kawalan atau meletakkan pegawai penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

(DBKL) di sekitar ibu negara sepanjang masa.

"Mereka (peniaga kaki lima) tidak ada lesen dan hanya penguatkuasaan dapat dilakukan bagi membanterasnya," katanya kepada *Wilayahku* di sini baru-baru ini.

Menurut Khalid, peniaga

warga asing terbabit bergerak secara 'mobile' dan melarikan diri apabila ternampak kelabit pihak berkuasa atau trak DBKL.

Tegasnya, pemilik premis perniagaan yang menjual atau menyewakan lesen mereka kepada warga asing pula, tindakan penarikan lesen akan

dikenakan.

"Tiada lesen yang diberikan kepada warga asing, jadi kalau ada warga asing yang sedang meniaga, ia berpunca daripada orang tempatan yang menyewakan lesen mereka atau menjualnya kepada warga asing," jelasnya.

## Jalan TAR jadi laluan pejalan kaki mulai 15 Mac

**P**UTRAJAYA - Jalan Tunku Abdul Rahman (TAR) akan dijadikan sebagai laluan pejalan kaki bermula 15 Mac ini sebagai inisiatif untuk menggalakkan warga kota menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam di sekitar ibu negara sekali gus mengurangkan kesesakan lalu lintas.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad berkata, hanya bas awam akan dibenarkan menggunakan laluan sepanjang

kira-kira satu kilometer iaitu dari pusat beli-belah Sogo sehingga Jalan Melayu itu ekoran kesukaran pengangkutan awam itu untuk menukar haluan.

Katanya, laluan tersebut mempunyai kemudahan stesen Transit Aliran Ringan (LRT) dan monorel sekali gus memudahkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam.

"Tujuan utama kita adalah untuk menggalakkan orang ramai di sekitar

ibu negara menggunakan pengangkutan awam dan ia dapat membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas di ibu negara," katanya dalam sidang akbar selepas Majlis Lancheon Talk sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019 di sini baru-baru ini.

Menurut Khalid, susulan cadangan tersebut yang diuar-uarkan

melalui Facebook Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) baru-baru ini, orang ramai mula memberikan pandangan dan komen.



Jalan Tuanku Abdul Rahman.

Beliau memaklumkan, daripada 1,013 netizen yang memberi komen, 57 peratus daripadanya bersetuju dengan cadangan penutupan jalan berkenaan manakala 43 peratus lagi tidak bersetuju.

Khalid berkata, pihaknya telah mencapai persefikatan dengan kesemua pemilik premis berhampiran dengan Rapid KL berhubung keputusan

tersebut.

Mengenai penutupan Bazar Ramadan, beliau menjelaskan bazar tersebut tidak ditutup sebaliknya dipindahkan ke lokasi lain yang lebih strategik.

Jelas beliau, tindakan tersebut memberi peluang kepada pemilik-pemilik premis berhampiran menjalankan perniagaan seperti biasa ketika bulan Ramadhan dan tidak dihalang oleh deretan gerai atau kenderaan.

Oleh AZLAN ZAMBRY  
azlanwilayahku@gmail.com

**S**ERUAN Jom jadi baik! sering disampaikan kepada sesiapa sahaja yang mengenali insan yang mempunyai kekuatan luar biasa ini sama ada melalui ceramah motivasi atau setiap perkongsian di laman Facebooknya.

Bagi Raja Shamri Raja Hussein, 44, yang berasal dari Kampung Wakaf Bunut, Pasir Putih, Kelantan, menyeru manusia melakukan kebaikan merupakan ajaran agama Islam yang seharusnya dipatuhi agar keharmonian dan persaudaraan dapat dieratkan.

Beliau yang sedang melanjutkan pengajian peringkat Doktor Falsafah di dalam bidang Perniagaan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) kini bergerak menuju syarikat perunding latihan Golden Minds Consultant yang beribum pejabat di Pasir Putih.

Mempunyai pengalaman selama 19 tahun sebagai penceramah motivasi di seluruh negara, beliau kini bergerak dalam pertubuhan bukan kerajaan, The Third Force didaftarkan pada Ogos 2015 bagi membantu golongan miskin di seluruh negara.

"Peristiwa banjir besar yang melanda Kelantan pada tahun 2014 merupakan penyebab dan secara tidak sengaja terjebak menjadi sukarelawan membantu mangsa banjir dan menggerakkan bantuan kemanusiaan antara terbesar di

## Raja Shamri tabah jadi sukarelawan



RAJA SHAMRI

Malaysia ketika itu.

"Kami menawarkan bantuan kepada fakir miskin dan mangsa banjir dengan cepat tanpa banyak protokol dan birokrasi," katanya.

Kata Raja Shamri lagi, The Third Force ditubuhkan bagi memenuhi aspirasi masyarakat yang tidak mahu dipengaruhi mana-mana ideologi politik mahu-

pun terpaksa berdepan dengan birokrasi dalam agihan bantuan.

Katanya, The Third Force yang masuki tahun kelima kini sudah bertapak di lapan buah negara.

Cerita beliau, pada peringkat awal penubuhan The Third Force, ada pihak menganggapnya sebagai pertubuhan anti-kerajaan.



"Saya sendiri pernah dikecam oleh ahli-ahli politik tertentu, diugut oleh gangster malah ada sukarelawan yang dipukul dan mengalami kecederaan."

"Ada juga kereta yang disimbah cat merah, diikat pada pokok dan saya sendiri pernah diugut bunuh sebanyak dua kali," katanya lagi.

Baginya, itulah asam garam untuk melakukan kebaikan dan pada hari ini, pertubuhan yang dipimpinnya itu diterima baik pihak kerajaan dan orang ramai.

Raja Shamri yang pernah menerima anugerah Wira Rakyat Negeri Kelantan pada 2015 mengakui keadaannya yang dilahirkan cacat sebelah kaki dan jari tangan melekat banyak menyebabkan pergerakannya terbatas sejak kecil.

"Saya pernah melompat-lompat ketika pergi ke sekolah kerana ketiadaan wang untuk membeli kaki palsu. Sejak dari kecil sudah biasa dengan keadaan tersebut serta selalu melihat keadaan keluarga yang miskin dan dikelilingi orang miskin. Hal itu menyebabkan timbul kekuatan baharu untuk saya membantu golongan fakir, miskin serta orang cacat," katanya.

## 3,000 pengunjung meriahkan Putrajaya Park's Day

Oleh NAZWIN NAZRI  
winwilayahku@gmail.com

**P**UTRAJAYA - Program Putrajaya Park's Day 2019 anjuran Perbadanan Putrajaya yang diadakan di Padang Semarak Taman Wetland Putrajaya meriah dengan kehadiran hampir 3,000 pengunjung.

Program julung-julung kali diadakan bermula pada pukul 7 pagi hingga 5 petang itu bertujuan memperkenalkan Taman Wetland Putrajaya sebagai salah satu lokasi penganjuran aktiviti dan program berunsur pendidikan terutamanya mengenai kepentingan pemuliharaan alam sekitar.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad berkata, pihaknya berharap penganjuran program tersebut, orang ramai dapat menggunakan fasiliti serta perkhidmatan taman-taman awam Putrajaya dengan menjadikannya sebagai lokasi pilihan bagi penganjuran pelbagai jenis aktiviti berfaedah.

Beliau berkata, pihaknya juga sedang berusaha membina lebih banyak taman dan pusat rekreasi serta menaik taraf taman awam yang ada

melalui Jabatan Landskap Negara.

“Taman awam di seluruh negara termasuk taman awam berskala besar dan terletak bersebelahan Taman Tun Dr. Ismail di Kuala Lumpur juga akan diwartakan bagi mengekalkan kelestarian alam semula jadi demi kesinambungan generasi masa hadapan.

“Saya percaya, Putrajaya Park's Day 2019 dilaksanakan selaras dengan aspirasi kerajaan selain merupakan langkah untuk menzahirkan Pelan Strategik Putrajaya 2016-2020 yang menggariskan beberapa teras dalam mencapai visi ‘Ke Arah Putrajaya Mampan 2020’,” katanya selepas merasmikan Program Putrajaya Park's Day 2019 di Taman Wetland Putrajaya di sini baru-baru ini.

Turut hadir isteri Menteri Wilayah Persekutuan, Dr. Zaitun Abu Bakar; Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Seri Saripuddin Kasim dan Pengurus Perbadanan Putrajaya, Datuk Dr. Aminuddin Hassim.

Program Putrajaya Park's Day yang diadakan bersemepena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019 ini juga turut diselitkan dengan aktiviti berkONSEP pendidikan seperti sesi perkongsian ilmu, pameran burung-burung DAN petting zoo.



PESERTA Putrajaya Park's Day 2019 mengenakan pakaian tradisional Melayu ketika menyertai larian santai SHERUN di Padang Semarak Taman Wetland Putrajaya baru-baru ini